

**SOALAN NO. 33****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TAN SRI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA  
[KETEREH]

**TARIKH :** 2 OGOS 2017

**SOALAN :**

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini berhubung penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing dialami Bank Negara Malaysia antara tahun 1980-an dan 1990-an.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kerugian Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1980-an dan 1990-an.

Seterusnya, YBhg Tan Sri Mohd Sidek Hassan telah dilantik sebagai Pengurus Suruhanjaya Siasatan Diraja dan diberi tempoh tiga bulan mulai tarikh kuat kuasa penubuhannya bagi menyelesaikan penyiasatan dan menyembahkan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.